



14 Julai 2025
14 July 2025
P.U. (A) 212

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN OPTIK (PINDAAN) 2025

OPTICAL (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA OPTIK 1991

PERATURAN-PERATURAN OPTIK (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 42 Akta Optik 1991 [Akta 469], Menteri, selepas berunding dengan Majlis, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Optik (Pindaan) 2025**.

Pindaan peraturan 6

2. Peraturan-Peraturan Optik 1994 [P.U. (A) 210/1994], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 6 dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Setiap pencadang tidak boleh menamakan lebih daripada seorang calon bagi setiap kekosongan jawatan yang dipilih dalam Majlis.”.

Penggantian peraturan 8

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 8 dengan peraturan yang berikut:

“Penyiaran
nama calon,
dll.

8. Pengerusi hendaklah dalam masa empat belas hari selepas menutup penamaan menyebabkan supaya suatu notis yang mengandungi maklumat yang berhubungan dengan nama calon yang telah dinamakan, nama pencadang dan penyokong, jawatan yang akan menjadi kosong yang berkenaan dengannya pemilihan akan diadakan dan tarikh akhir bagi mengemukakan apa-apa bantahan terhadap mana-mana calon, disiarkan dalam laman sesawang Majlis atau dalam apa-apa media termasuk media sosial, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.”.

Penggantian peraturan 11

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 11 dengan peraturan yang berikut:

- “Pengeluaran kertas undi, dsb.
11. (1) Sekiranya selepas keputusan diambil oleh Pengerusi tentang apa-apa bantahan yang telah dibuat, bilangan calon yang dinamakan melebihi bilangan kekosongan jawatan yang dipilih, Pengerusi hendaklah menyebabkan supaya dihantar melalui pos atau secara penyampaian ke diri atau mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Majlis kepada tiap-tiap juruoptik atau optometris berdaftar yang memegang perakuan amalan tahunan yang sah dan layak untuk mengundi dalam pemilihan itu—
- (a) suatu kertas undi dalam Borang 2 Jadual bagi juruoptik dan Borang 3 Jadual bagi optometris yang hendaklah mengandungi nombor siri kertas undi, nama dan kelulusan akademik calon, dan tarikh dan masa pemilihan itu akan tutup;
 - (b) suatu sampul surat bertanda “Sampul surat A” bagi juruoptik berdaftar dalam Borang 4 Jadual yang hendaklah mengandungi suatu ruangan bagi nama dan tandatangan saksi;
 - (c) suatu sampul surat bertanda “Sampul surat B” bagi optometris berdaftar dalam Borang 4 Jadual yang hendaklah mengandungi suatu ruangan bagi nama dan tandatangan saksi; dan

- (d) suatu sampul surat bertanda “Sampul surat C” dalam Borang 4 Jadual yang hendaklah mengandungi nama Pengerusi dan alamatnya di mana kertas undi akan diterima olehnya.

(2) Juruoptik atau optometris berdaftar boleh meminta Pengerusi untuk menghantar semula kepadanya suatu kertas undi atau sampul surat baharu jika juruoptik atau optometris berdaftar itu—

- (a) tidak menerima kertas undi atau sampul surat;
- (b) telah menghilangkan kertas undi atau sampul surat yang diterima; atau
- (c) telah merosakkan kertas undi atau sampul surat dengan tidak sengaja.

(3) Permintaan bagi kertas undi atau sampul surat baharu di bawah subperaturan (2) hendaklah dibuat tidak lewat daripada empat belas hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi penutupan penerimaan kertas undi dan apa-apa permintaan yang diterima selepas tempoh itu tidak boleh diambil kira.

(4) Permintaan di bawah subperaturan (2) hendaklah disertakan dengan suatu akuan berkanun di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 783*] oleh juruoptik atau optometris berdaftar yang disebut dalam subperaturan (2) yang mengesahkan bahawa telah berlakunya hal keadaan dalam perenggan (2)(a), (b) atau (c).

(5) Jika suatu kertas undi atau sampul surat baharu telah dihantar semula kepada juruoptik atau optometris berdaftar menurut subperaturan (2), suatu rekod hendaklah dibuat di bawah nama juruoptik atau optometris berdaftar itu.

(6) Apabila menerima sampul surat yang mengandungi kertas undi daripada pengamal, Pengerusi hendaklah mengendors pada luar sampul surat tarikh dan masa penerimaannya.”.

Pindaan peraturan 16

5. Perenggan 16(d) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “yang hilang kelayakan untuk mengundi kerana sesuatu sebab” dengan perkataan “yang hilang kelayakan mengundi atas sebab tidak memegang suatu perakuan amalan tahunan yang sah”.

Pindaan peraturan 27

6. Peraturan 27 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “dua ratus ringgit” dengan perkataan “lima ratus ringgit”; dan

(b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “tujuh ratus ringgit” dengan perkataan “satu ribu lima ratus ringgit”.

Pindaan Jadual

7. Jadual kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan Borang 1 dengan borang yang berikut:

“Borang 1
(Peraturan 6)

AKTA OPTIK 1991

PERATURAN-PERATURAN OPTIK 1994

PENAMAAN CALON BAGI JAWATAN: * JURUOPTIK BERDAFTAR/OPTOMETRIS BERDAFTAR

* Sila potong mana-mana yang tidak berkenaan

Penamaan yang diterima selepas tidak akan diterima oleh Pengerusi Majlis Optik Malaysia.

Calon	Pencadang	Penyokong	Tandatangan calon (menandakan persetujuan)
1. Nama: Nombor Perakuan Amalan Tahunan (tahun semasa):	Nama: Nombor Perakuan Amalan Tahunan (tahun semasa): Tandatangan:	Nama: Nombor Perakuan Amalan Tahunan (tahun semasa): Tandatangan:	1.
2. Nama: Nombor Perakuan Amalan Tahunan (tahun semasa):	Nama: Nombor Perakuan Amalan Tahunan (tahun semasa): Tandatangan:	Nama: Nombor Perakuan Amalan Tahunan (tahun semasa): Tandatangan:	2.

”;

(b) dengan menggantikan Borang 2 dengan borang yang berikut:

“Borang 2
(Peraturan 11)

AKTA OPTIK 1991

PERATURAN-PERATURAN OPTIK 1994

KERTAS UNDI BAGI JURUOPTIK

1. Bilangan kekosongan : sahaja
2. Pemilihan akan ditutup pada jam dan mana-mana Sampul surat A yang tidak diterima oleh Pengerusi Majlis Optik Malaysia pada tarikh dan masa itu tidak akan diterima.

Nama dan kelayakan akademik calon	Tanda (X) dengan dakwat hitam dalam ruang yang bersempentangan dengan nama calon yang hendak diundi
1.	
2.	
3.	
4.	

”; dan

(c) dengan menggantikan Borang 3 dengan borang yang berikut:

“Borang 3

(Peraturan 11)

AKTA OPTIK 1991

PERATURAN-PERATURAN OPTIK 1994

KERTAS UNDI BAGI OPTOMETRIS

1. Bilangan kekosongan : sahaja
2. Pemilihan akan ditutup pada jam dan mana-mana Sampul surat B yang tidak diterima oleh Pengerusi Majlis Optik Malaysia pada tarikh dan masa itu tidak akan diterima.

Nama dan kelayakan akademik calon	Tanda (X) dengan dakwat hitam dalam ruang yang bersetentangan dengan nama calon yang hendak diundi
1.	
2.	
3.	
4.	

Dibuat 23 Jun 2025

[KKM. 600-1/3/74 Jld 2 (47); PN(PU2)503/JLD.9]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
Menteri Kesihatan

OPTICAL ACT 1991

OPTICAL (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by section 42 of the Optical Act 1991 [Act 469], the Minister, after consulting the Council, makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Optical (Amendment) Regulations 2025**.

Amendment of regulation 6

2. The Optical Regulations 1994 [*P.U. (A) 210/1994*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 6 by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(3) Each proposer shall not nominate more than one candidate for each vacant elected office in the Council.”.

Substitution of regulation 8

3. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 8 the following regulation:

“Publication of names of candidates, etc.	8. The Chairman shall within fourteen days of the closing of nominations cause a notice containing information relating to the names of the candidates who have been nominated, the names of the proposers and seconders, the offices which shall be vacant in respect of which elections are to be held and the deadline for submitting any objection against any candidate, to be published on the website of the Council or in any media including social media, as the Council deems fit .”.
---	--

Substitution of regulation 11

4. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 11 the following regulation:

- “Issue of ballot papers, etc.
11. (1) If after determination by the Chairman of any objection which may have been lodged, the number of nominated candidates exceeds the number of vacant elected offices, the Chairman shall cause to be sent by post or personal service or in such manner as the Council deems appropriate to every registered optician or optometrist holding a valid annual practising certificate and eligible to vote in the election—
- (a) a ballot paper in Form 2 of the Schedule for opticians and Form 3 of the Schedule for optometrists which shall contain a ballot paper serial number, the names and academic qualifications of the candidates, and the date and time on which the election will be closed;
 - (b) an envelope marked “Envelope A” for registered opticians in Form 4 of the Schedule which shall contain a space for the name and signature of the witness;
 - (c) an envelope marked “Envelope B” for registered optometrists in Form 4 of the Schedule which shall contain a space for the name and signature of the witness; and
 - (d) an envelope marked “Envelope C” in Form 4 of the Schedule which shall bear the name of the Chairman and his address where the

ballot paper shall be received by him.

(2) A registered optician or optometrist may request the Chairman to resend to him a new ballot paper or envelope if the registered optician or optometrist—

(a) has not received the ballot paper or envelope;

(b) has lost the ballot paper or envelope received;
or

(c) has inadvertently damaged the ballot paper or envelope.

(3) A request for a new ballot paper or envelope under subregulation (2) shall be made not later than fourteen days before the date fixed for the closing of the receipt of ballot papers and any such request received after that period shall be disregarded.

(4) The request under subregulation (2) shall be accompanied by a statutory declaration under the Statutory Declarations Act 1960 [Act 783] by the registered optician or optometrist referred to in subregulation (2) confirming that the circumstances in paragraph (2)(a), (b) or (c) has occurred.

(5) Where a new ballot paper or envelope is resent to a registered optician or optometrist pursuant to subregulation (2), a record shall be made under the name of the registered optician or optometrist.

(6) Upon receiving the envelope containing the ballot paper from the practitioner, the Chairman shall endorse on the outer of the envelope the date and time of its receipt.”.

Amendment of regulation 16

5. Paragraph 16(d) of the principal Regulations is amended by substituting for the words “who is disqualified for any reason from voting” the words “who is disqualified from voting by reason of not holding a valid annual practising certificate”.

Amendment of regulation 27

6. Regulation 27 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1), by substituting for the words “two hundred ringgit” the words “five hundred ringgit”; and

(b) in subregulation (2), by substituting for the words “seven hundred ringgit” the words “one thousand and five hundred ringgit”.

Amendment of Schedule

7. The Schedule to the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for Form 1 the following form:

“Form 1
(Regulation 6)

OPTICAL ACT 1991

OPTICAL REGULATIONS 1994

NOMINATION OF CANDIDATES FOR THE OFFICE OF: * REGISTERED OPTICIAN/
REGISTERED OPTOMETRIST

* Please delete whichever is not applicable

Nominations which are received after shall not be accepted
by the Chairman of the Malaysian Optical Council.

Candidate	Proposer	Seconder	Signature of candidate (denoting consent)
1. Name: Annual Practising Certificate Number (current year):	Name: Annual Practising Certificate Number (current year): Signature:	Name: Annual Practising Certificate Number (current year): Signature:	1.
2. Name: Annual Practising Certificate Number (current year):	Name: Annual Practising Certificate Number (current year): Signature:	Name: Annual Practising Certificate Number (current year): Signature:	2.

”;

(b) by substituting for Form 2 the following form:

“Form 2

(Regulation 11)

OPTICAL ACT 1991

OPTICAL REGULATIONS 1994

BALLOT PAPER FOR OPTICIANS

1. Number of vacancies : only

2. The election shall close on at and any Envelope A which is not received by the Chairman of the Malaysian Optical Council by such date and time will not be accepted.

Name and academic qualifications of candidate	Mark (X) in black ink in the column opposite the name of the candidate for whom you wish to vote
1.	
2.	
3.	
4.	

”; and

(c) by substituting for Form 3 the following form:

“Form 3

(Regulation 11)

OPTICAL ACT 1991

OPTICAL REGULATIONS 1994

BALLOT PAPER FOR OPTOMETRISTS

1. Number of vacancies : only

2. The election shall close on at and any Envelope B which is not received by the Chairman of the Malaysian Optical Council by such date and time will not be accepted.

Name and academic qualifications of candidate	Mark (X) in black ink in the column opposite the name of the candidate for whom you wish to vote
1.	
2.	
3.	
4.	

Made 23 June 2025
 [KKM. 600-1/3/74 Jld 2 (47); PN(PU2)503/JLD.9]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
Minister of Health